

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (74)
Tarikh: 26 OGOS 2013

KENYATAAN AKBAR

MBPJ SERAH BASIKAL KEPADA PERSATUAN PENDUDUK DAN RUKUN TETANGGA BAGI PROGRAM PKKPJ

Pada 28 Julai 2011, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan rasminya telah melancarkan Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ).

Penubuhan program ini bertujuan untuk menggalakkan penubuhannya dan mengaktifkan sukarelawan keselamatan di kawasan kejiranan setempat.

MBPJ juga merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang mewujudkan program keselamatan ini dengan peruntukan sebanyak RM5,000.00 kepada Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga bagi mengaktifkan keselamatan di kawasan kejiranan mereka.

Antara objektif penubuhan ini adalah untuk:-

- Meningkatkan program rondaan bersama penduduk.
- Menguatkuasakan aktiviti PKKPJ bersama PDRM.
- Meningkatkan kesedaran berhubung keselamatan penduduk di Petaling Jaya.
- Meningkatkan tahap penglibatan penduduk bersama pelbagai pihak Agensi Pelaksana.

Berikut adalah statistik permohonan PKKPJ mengikut tahun:-

TAHUN	TERIMA	LULUS
2011	56	55
2012	72	72
2013	71	71

Bagi menjayakan program PKKPJ pada tahun 2013, sebanyak RM 700,000.00 telah diperuntukkan oleh MBPJ dan sehingga kini 71 permohonan telah diterima dan 16 daripadanya adalah merupakan permohonan baru 2013. Pihak MBPJ menjangkakan akan menerima 20 lagi permohonan sehingga penghujung akhir tahun 2013.

Kerjasama yang diberikan oleh pihak PDRM dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga penting dalam memastikan PKKPJ ini terus berjaya. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan lagi hubungan dikalangan penduduk di dalam menitikberatkan isu berhubung dengan keselamatan.

Oleh kerana keprihatinan MBPJ di dalam aspek keselamatan kejiranan penduduk dan keberkesanan program PKKPJ ini, pihak MBPJ akan memberikan insentif tambahan yang merupakan 2 buah basikal kepada 55 RA/RT yang memohon pada tahun 2012, menghantar laporan dan membuat permohonan semula tahun 2013.

Tujuan pemberian tambahan 2 buah basikal ini adalah sebagai tanda sokongan pihak MBPJ di dalam aktiviti pencegahan jenayah seterusnya mengalakkan lagi RA/RT untuk memohon insentif keselamatan kejiranan serta meningkatkan jumlah anggota sukarelawan rondaan keselamatan dikalangan masyarakat setempat selain mempromosikan program PKKPJ kepada penduduk Petaling Jaya.

Dengan pemberian 2 buah basikal ini diharap dapat membantu mengurangkan beban RA/RT di dalam membanteras dan mencegah jenayah di kawasan kejiranan. MBPJ sebagai pihak PBT akan sentiasa memberikan bantuan dan khidmat nasihat sebaiknya bagi membantu pihak RA/RT dan masyarakat Petaling Jaya khususnya.

Dikeluarkan oleh,

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my